



**KERTAS KERJA PERLAKSANAAN
PROGRAM IMARAH RAMADHAN SALAM**

BERSAMA

**YAYASAN AMANAH AN-NUR MAISARAH &
ASRAMA ANAK-ANAK YATIM/MISKIN BUDI MULIA NURULHUDA,
CHEMOR, PERAK**

ANJURAN SUKARELAWAN YAYASAN SALAM MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

1. Pendahuluan	1
2. Objektif Program	1
3. Tarikh/Masa	2
4. Tempat	2
5. Aktiviti	2
6. Peserta	2
7. Pengangkutan	2
8. Penginapan	3
9. Anggaran perbelanjaan dan pendapatan	3 - 4
10. Agenda	4 -5
11. Jawatankuasa	5
12. Kesimpulan	6

KERTAS KERJA PERLAKSANAAN PROGRAM IMARAH RAMADHAN SALAM

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Kertas kerja ini bertujuan untuk menerangkan program “Imarah Ramadhan SALAM” yang dianjurkan oleh Sukarelawan Yayasan Salam Malaysia. Yayasan Salam Malaysia atau ringkasnya SALAM merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan bagi menggalakkan semangat kesukarelaan dan memberi peluang kepada warga Malaysia untuk melibatkan diri sebagai sukarelawan di dalam atau di luar negara.
- 1.2. Program ini adalah disasarkan untuk anak-anak yatim dan miskin dari dua buah rumah yang terletak di daerah Chemor, Perak seperti berikut:

1.2.1. Yayasan Amanah An-Nur Maisarah (An-Nur Maisarah)

An-Nur Maisarah adalah sebuah NGO yang ditubuhkan pada 24 Januari 2006. Objektif penubuhannya adalah untuk membantu serta mendidik rohani dan jasmani anak-anak yatim dan miskin Malaysia dengan menggunakan sistem pendekatan kekeluargaan. Kini An-Nur Maisarah menempatkan lebih kurang 40 orang kanak-kanak dan remaja lelaki dari lingkungan 7 sehingga 18 tahun dan ditadbir sepenuhnya oleh Dr. Fazillah bt. Nordin (Ibu Fazillah).

1.2.2. Asrama Budi Mulia Nurulhuda (Budi Mulia Nurulhuda)

Budi Mulia Nurulhuda adalah sebuah NGO yang ditubuhkan pada 18hb Ogos 2005. Objektif penubuhan Budi Mulia Nurulhuda adalah untuk menjaga kepentingan dan keperluan asas anak-anak yatim/warga miskin serta bertanggungjawab di atas segala hal ehwal kebajikan mereka seperti pelajaran, kewangan, moral, kesihatan dan kekeluargaan. Kini Budi Mulia Nurulhuda menempatkan lebih kurang 50 orang kanak-kanak dan remaja lelaki serta perempuan dari lingkungan 7 sehingga 18 tahun dan ditadbir sepenuhnya oleh En. Shahrudin bin Razali (Pak Din).

2. OBJEKTIF PROGRAM

- 2.1. Berikut adalah objektif program ini:

- 2.1.1. Mengenali dan mengeratkan silaturrahim antara SALAM dengan penghuni serta pentadbiran rumah An-Nur Maisarah dan Budi Mulia Nurulhuda.
- 2.1.2. Memanfaatkan bulan Ramadhan dengan aktiviti-aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.
- 2.1.3. Memberi peluang kepada individu-individu serta golongan korporat untuk berbakti dengan menghulurkan sumbangan kepada anak-anak yatim dan miskin bagi persediaan menyambut Aidilfitri.
- 2.1.4. Untuk menimbulkan kesedaran dan memupuk rasa insaf dikalangan sukarelawan dengan membantu golongan kurang bernasib baik.

3. TARIKH / MASA

3.1. Program ini dijangka akan diadakan selama 2 hari iaitu dari 5 hingga 6 September 2009.

4. TEMPAT

4.1. Program ini akan diadakan di rumah An-Nur Maisarah dan rumah Budi Mulia Nurulhuda, Chemor Perak.

5. AKTIVITI

5.1. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dirancang bersempena dengan program Ijarah Ramadhan SALAM adalah seperti berikut:

- 5.1.1. Sesi memasak bubur lambuk di rumah An-Nur Maisarah dan juga aktiviti berkumpul bersama sama penghuni rumah An-Nur Maisarah.
- 5.1.2. Majlis berbuka puasa dan menunaikan solat Terawikh bersama-sama penghuni rumah An-Nur Maisarah.
- 5.1.3. Majlis bersahur dan menunaikan solat Subuh bersama-sama penghuni rumah Budi Mulia Nurulhuda.
- 5.1.4. Sesi penyampaian sumbangan AidilFitri kepada penghuni rumah An-Nur Maisarah dan Budi Mulia Nurulhuda.

6. PESERTA

6.1. Penyertaan peserta program adalah dijangkakan seramai 110 orang yang terdiri daripada:

- 6.1.1. Seramai 40 orang penghuni rumah An-Nur Maisarah;
- 6.1.2. Seramai 50 orang penghuni rumah Budi Mulia Nurulhuda; dan
- 6.1.3. Seramai 20 orang Sukarelawan SALAM.

7. PENGANGKUTAN

7.1. Para sukarelawan akan bergerak secara “car pool” dari Kuala Lumpur (K.L.) ke Chemor, Perak. Di jangka 6 buah kereta akan digunakan bagi tujuan tersebut. Kos pengangkutan adalah seperti tertera di dalam perenggan 9 di bawah.

8. PENGINAPAN

8.1. Para sukarelawan akan bermalam semalaman di Chemor/Ipoh, Perak bagi tujuan program bersahur bersama-sama penghuni Rumah Budi Mulia Nurulhuda. Untuk tujuan tersebut, dicadangkan agar penyewaan 1 buah rumah tumpangan (guest house/home stay) dibuat. Kos penginapan adalah seperti tertera di dalam perenggan 9 di bawah.

9. ANGGARAN PERBELANJAAN & PENDAPATAN

9.1. Berikut adalah senarai anggaran perbelanjaan dan sumber kewangan untuk pelaksanaan program Imarah Ramadhan SALAM.

9.1.1. Perbelanjaan:

NO.	PERKARA	PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1	Majlis berbuka puasa	<ul style="list-style-type: none"> • 40 orang (penghuni An-Nurmaisarah) <i>RM 30.00 x 40 (org)</i> <i>= RM1,200</i> • 5 orang (pentadbir & penjaga An-Nurmaisarah) <i>RM 30.00 x 5 (org)</i> <i>= RM150</i> • 20 orang (sukarelawan) <i>RM 30.00 x 20 (org)</i> <i>=RM600</i> 	1,950
2	Majlis bersahur	<ul style="list-style-type: none"> • 50 orang (penghuni Budi Mulia Nurulhuda) <i>RM 20.00 x 50 (org)</i> <i>= RM1,000</i> • 5 orang (pentadbir & penjaga Budi Mulia Nurulhuda) <i>RM 20.00 x 5 (org)</i> <i>= RM100</i> • 20 orang (sukarelawan) <i>RM 20.00 x 20 (org)</i> <i>=RM400</i> 	1,500
3	Sumbangan Aidilfitri (duit/barang keperluan)	<ul style="list-style-type: none"> • 90 orang (penghuni An-Nurmaisarah & Budi Mulia Nurulhuda) <i>RM100.00 x 90 (org)</i> <i>=RM9,000</i> 	9,000
4	Penginapan	<ul style="list-style-type: none"> • 1 buah rumah penginapan <i>RM400.00 x 1 (rumah)</i> <i>=RM400</i> 	400

NO.	PERKARA	PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
5	Pengangkutan (“car pool”) K.L. – Ipoh – K.L.	<ul style="list-style-type: none"> • 6 buah kereta <i>RM200.00 x 6 (kereta)</i> <i>=RM1,200</i> 	1,200
6	Perbelanjaan luar jangkaan	<i>RM 1,000</i>	1,000
	JUMLAH KESELURUHAN		15,050

9.1.2 Sumber kewangan:

NO.	PERKARA	PENDAPATAN	JUMLAH (RM)
1	Sumbangan sukarelawan	<ul style="list-style-type: none"> • 20 orang (sukarelawan) <i>RM50.00 x 20 (org)</i> <i>=RM1,000</i> • Tabung sukarelawan SALAM <i>=RM1,000</i> 	2,000
2	Penajaan orang-perseorangan & badan-badan korporat		13,050
	JUMLAH KESELURUHAN		15,050

10. AGENDA

10.1. Berikut adalah tentatif atucara sepanjang 2 hari program tersebut:

HARI/TARIKH	MASA	AKTIVITI
Sabtu (05/09/09)	11.00 pagi	Taklimat & bertolak dari Pejabat SALAM
	02.00 petang	Tiba di rumah tumpangan di Chemor/Ipoh, Perak
	03.00 petang	Bertolak ke Rumah An-Nur Maisarah
	03.30 petang	Sesi perkenalan dengan penghuni dan pentadbiran Rumah An-Nur Maisarah
	04.30 petang	Solat Asar berjemaah
	05.00 petang	Persediaan juadah berbuka puasa dan aktiviti berkumpulan
	07.00 malam	Ucapan oleh wakil SALAM dan Pentadbir Rumah An-Nur Maisarah
	07.30 malam	Berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah
	08.30 malam	Solat Isha' & Terawikh berjemaah
	09.30 malam	Moreh & penyampaian sumbangan Aidilfitri
	10.30 malam	Penutup agenda hari pertama

HARI/TARIKH	MASA	AKTIVITI
Ahad (06/09/09)	03.30 pagi	Bertolak ke Rumah Budi Mulia Nurulhuda
	04.00 pagi	Persediaan juadah bersahur
	04.30 pagi	Mengejutkan penghuni Rumah Budi Mulia Nurulhuda untuk bersahur
	05.00 pagi	Bersahur
	6.00 pagi	Solat Subuh berjemaah
	06.30 pagi	Ucapan oleh wakil SALAM dan Pentadbir Rumah Budi Mulia Nurulhuda
	07.00 pagi	Penyampaian sumbangan Aidilfitri
	08.00 pagi	Post-mortem dan penutup program
	09.00 pagi	Bertolak pulang ke K.L.

11. JAWATANKUASA

- 11.1. Pembentukan jawatankuasa program telah dijalankan bagi memastikan pelaksanaan keseluruhan program berjalan dengan lancar dan teratur. Berikut adalah ahli-ahli jawatankuasa yang telah dilantik :

Penasihat

Datuk Ahmad A. Talib
Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Salam Malaysia

En Md Ghani Ibrahim
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Salam Malaysia

Kakitangan Yayasan Salam Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Pengarah	- Mohd Effuan Aswadi Abd Wahab
Setiausaha	- Nor Aniza Ramli
Bendahari/Penajaan	- Alisah Kassim Khadijah Che Mat
Hadiah/Cendermata	- Nor Karimah Mat Hussin Sarbanon Japar
Katering/Makanan & Minuman	- Norzamliza Zahari Shamsiah Hamid
Aktiviti	- Fait Hanapi Zurina Saifuddin
Pengangkutan	- Diana Syafiza Said Siti Sarah Ahmad
Penginapan	- Nor Afizah Omar Din Noridah Lohang

12. KESIMPULAN

Adalah menjadi harapan kami agar program ini dapat dilaksanakan dengan sempurna serta mencapai objektif yang disasarkan seperti dinyatakan di bawah perenggan 2 di atas. Selain daripada itu, sokongan padu dari orang perseorangan serta pihak-pihak korporat diharap dapat menggalakkan lagi semangat kesukarelaan dan sifat dermawaan dikalangan masyarakat kita.